



Standard Kandungan	3.3 Tekanan Darah	
Apa itu tekanan darah?	Tekanan yang dikenakan oleh darah pada dinding salur darah semasa peredaran darah	
Alat untuk mengukur?	Sfigmomanometer	
Unit tekanan darah	Millimeter merkuri dan simbolnya mmHg	
Alat terbaik	Di hospital dan klinik, penggunaan sfigmomanometer dan stetoskop digunakan untuk mendapatkan bacaan tekanan darah yang tepat. Namun, di rumah boleh menggunakan sfigmomanometer digital 	
Rekod tekanan darah 	Tekanan darah diukur dengan mengambil dua ukuran . Nombor atas menunjukkan tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung mengecut yang dikenali sebagai sistolik . Nombor bawah menunjukkan tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah apabila otot jantung berehat (antara denyutan jantung) dikenali tekanan diastolik .	
Bacaan tekanan darah Juga disebut sistolik per diastolik	120 / 80 mmHg Tekanan sistolik (otot jantung mengecut) Tekanan diastolik (otot jantung berehat)	
Bacaan Tekanan Darah Bacaan yang tinggi dan berlarutan menunjukkan bahawa ada penyakit darah tinggi atau hipertensi . Bacaan yang rendah dan berlarutan menunjukkan bahawa ada penyakit tekanan darah rendah .		
Kategori tekanan darah	Tekanan sistolik (mmHg)	Tekanan diastolik (mmHg)
Optimum	Kurang daripada 120	Kurang daripada 80
Normal	120 – 139	80 – 84
Berisiko	130 – 139	85 – 89
Tekanan darah tinggi peringkat 1	140 – 159	90 – 99
Tekanan darah tinggi peringkat 2	160 – 179	100 – 109
Tekanan darah tinggi peringkat 3	180 dan ke atas	110 dan ke atas
Klasifikasi bacaan tekanan darah orang dewasa		
Jika masalah tekanan darah tinggi yang tidak dikawal dengan baik, boleh menyebabkan strok dan perlukan pemeriksaan perubatan berkala .		



Nama : _____

Tingkatan: _____

Tarikh: _____

Latihan 1

TP1	Mengingat kembali pengetahuan dan kemahiran saintifik mengenai nutrisi dan teknologi makanan.
TP2	Memahami nutrisi dan teknologi makanan dan dapat menjelaskan fenomena tersebut

1. Nyatakan apa yang dimaksudkan dengan tekanan darah. **TP1**

.....

2. Namakan alat yang digunakan untuk mengukur tekanan darah; **TP1**

Sfigmomanometer

Stetoskop

Barometer

3. Padankan unit bagi tekanan darah **TP1**

Millimeter, mm

Unit tekanan darah

Millimeter merkuri, mmHg

Joule, J

4. Rajah menunjukkan paparan bacaan digital sebuah alat pengukur **TP2**



Rajah 1

- a) Nyatakan jenis bacaan pada Rajah 1. **TP 2**



- b) Namakan alat pengukur tersebut. **TP 1**

.....

- c) Jika bacaan di (a) ialah 160 dan bacaan di (b) ialah 100, apakah kategori tekanan darah tersebut?

.....

- d) Jika bacaan di (c) masih tidak dikawal dengan baik, apakah kesan sampingan terhadap kesihatan? **TP 2**

.....

- e) Berikan empat langkah pencegahan awal untuk mengelakkan tekanan darah tinggi. **TP 3**

.....

.....

.....

.....

- 5 Rajah 2.1 menunjukkan situasi antara seorang doktor dengan pesakitnya. **TP4**



Rajah 2

- a) Namakan alat yang digunakan oleh doktor tersebut.

.....



- b) Rajah 2.2 menunjukkan bacaan pada alat tersebut.



Rajah 2.2

- i) Nyatakan jenis bacaan di bahagian atas dan bahagian bawah
- Bacaan atas :
- Bacaan bawah :
- ii) Berdasarkan bacaan tersebut, kategorikan pesakit tersebut.
-
- c) Ramalkan nasihat doktor kepada pesakitnya selepas meneliti bacaan pada alat tersebut.
-
- d) Tandakan (✓) bahan tambah yang tidak boleh dimakan dalam kuantiti yang banyak oleh pesakit tersebut.
- Gula ☐ Garam ☐ Cuka ☐
- e) Nyatakan perbezaan bacaan atas dengan bacaan bawah.
-
-